



SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK

BILANGAN 15 TAHUN 2024

GARIS PANDUAN PERUBAHAN KURIKULUM UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Bahagian Hal Ehwal Akademik
10 September 2024

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pendaftar
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

10 September 2024

SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK **BILANGAN 15 TAHUN 2024**

GARIS PANDUAN PERUBAHAN KURIKULUM UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-237 Bilangan 9/2024 yang bersidang pada 10 September 2024 telah meluluskan **Garis Panduan Perubahan Kurikulum Universiti Pendidikan Sultan Idris**.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Semakan kurikulum bagi setiap program akademik di setiap Fakulti/Pusat Tanggungjawab (PTj) perlu dilaksanakan secara berkala dan sistematik bagi mengekalkan Perakuan Akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Agency, MQA*).
- 2.2 Garis Panduan ini disediakan untuk menjelaskan tindakan yang perlu diambil oleh Fakulti/ PTj berdasarkan kategori perubahan maklumat yang tertentu. Panduan ini boleh diambil kira dalam melaksanakan kurikulum yang bersifat lentur dan organik (*fluid and organic*).

3.0 JUSTIFIKASI

- 3.1 Penambahbaikan kualiti memerlukan Fakulti/ PTj melaksanakan pemantauan, semakan dan penilaian yang berterusan serta menyeluruh terhadap program akademik yang ditawarkan.

- 3.2 Penambahan kualiti perlu dilakukan secara berterusan bagi memastikan program akademik sentiasa dikemaskini mengikut perubahan dan keperluan semasa.
- 3.3 Kandungan program akademik perlu relevan dan seiring dengan perkembangan terkini.
- 3.4 Garis panduan ini akan memberi **fokus kepada tujuh (7) perkara utama** iaitu:
- i. Kategori Program Akademik Bagi Perubahan Semakan Kurikulum
 - ii. Maklumat Asas Program Akademik Yang Diperlukan Bagi Perubahan Semakan Kurikulum
 - iii. Bahagian Perubahan Semakan Kurikulum Secara Struktural
 - iv. Kadar Caj Bayaran Bagi Perubahan Semakan Kurikulum Secara Struktural
 - v. Pengiraan Perubahan Kandungan Kurikulum Secara Struktural
 - vi. Perubahan Semakan Kurikulum Secara Modular
 - vii. Tindakan Fakulti/PTj

4.0 KEPUTUSAN SENAT

Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju meluluskan **Garis Panduan Perubahan Kurikulum Universiti Pendidikan Sultan Idris** seperti di **Lampiran A**.

5.0 TARIKH KUAT KUASA


Surat Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada 10 September 2024.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN"



(SUHAILA SIDEK)

Ketua Timbalan Pendaftar

Bahagian Hal Ehwal Akademik

Tarikh: 10 September 2024

LAMPIRAN A



GARIS PANDUAN PERUBAHAN KURIKULUM UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

1. PENDAHULUAN

Semakan kurikulum bagi setiap program akademik di setiap Fakulti/Pusat Tanggungjawab (PTj) perlu dilaksanakan secara berkala dan sistematik bagi mengekalkan Perakuan Akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Agency, MQA*).

2. TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan memberikan butiran penerangan tatacara dan langkah-langkah yang perlu diambil dalam perubahan semakan kurikulum di UPSI.

Garis panduan ini sejajar dengan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Kementerian Pendidikan Tinggi Agensi Kelayakan Malaysia (KPT-MQA) Bil. 3/2017 bertarikh 25 November 2017, Surat Makluman MQA Bil. 4/2018 bertarikh 8 Mac 2018, serta Surat Makluman Bil. 15/2022 bertarikh 7 Disember 2022. Pemantauan, semakan dan penilaian yang berterusan serta menyeluruh ke atas program memerlukan pengemaskinian dilaksanakan agar kandungan program relevan dan seiring dengan perkembangan semasa.

Perubahan maklumat program akademik hasil daripada proses pengemaskinian memerlukan tindakan selanjutnya diambil oleh UPSI. Garis Panduan ini menjelaskan tindakan yang perlu diambil oleh Fakulti/ PTj berdasarkan kategori perubahan maklumat yang tertentu. Panduan ini boleh diambil kira dalam melaksanakan kurikulum yang bersifat lentur dan organik (*fluid and organic*).

3. KONSEP PERUBAHAN SEMAKAN KURIKULUM

- 3.1 Penambahbaikan kualiti memerlukan Fakulti/ PTj melaksanakan pemantauan, semakan dan penilaian yang berterusan serta menyeluruh terhadap program akademik yang ditawarkan.
- 3.2 Penambahan kualiti perlu dilakukan secara berterusan bagi memastikan program akademik sentiasa dikemaskini mengikut perubahan dan keperluan semasa.
- 3.3 Kandungan program akademik perlu relevan dan seiring dengan perkembangan terkini.
- 3.4 Pada dasarnya, proses penambahbaikan kualiti yang dijalankan oleh Fakulti/ PTj akan memberi kesan terhadap maklumat asal program akademik yang dinyatakan sewaktu permohonan dikemukakan oleh Fakulti/ PTj kepada Senat.

4. SKOP

Garis Panduan ini terpakai untuk perubahan semakan kurikulum bagi semua program akademik yang dijalankan oleh Fakulti/ PTj di peringkat prasiswazah dan pascasiswazah.

5. KATEGORI PROGRAM AKADEMIK BAGI PERUBAHAN SEMAKAN KURIKULUM

- 5.1 Fakulti/ PTj hendaklah mengenalpasti kategori program akademik sebelum memulakan proses perubahan semakan kurikulum. Terdapat enam (6) jenis kategori program akademik:
 - a) Program akademik telah mendapat Akreditasi Penuh (*Full Accreditation*, FA);
ATAU
 - b) Program akademik telah mendapat Akreditasi Sementara (*Provisional Accreditation*, PA) tetapi belum memperoleh FA;
ATAU

- b) Program akademik telah mendapat PA dan sedang menjalani penilaian FA;
ATAU
- d) Program akademik sedang dalam penilaian Pematuhan Syarat;
ATAU
- e) Program akademik telah/ akan menjalani Audit Pematuhan tahun ini;
ATAU
- f) Program akademik telah mendapat pemakluman Audit Pematuhan tahun akan datang.

6. MAKLUMAT ASAS PROGRAM AKADEMIK YANG DIPERLUKAN BAGI PERUBAHAN SEMAKAN KURIKULUM

- 6.1 Fakulti/ PTj hendaklah menyatakan maklumat asas program akademik dan rekod perubahan berkaitan program akademik yang pernah dikemukakan kepada MQA.
- 6.2 Berikut adalah maklumat yang diperlukan:
 - a) Nama program akademik.
 - b) Nombor rujukan MQA.
 - c) Alamat program dijalankan.
 - d) Tarikh mula akreditasi (Bagi program yang telah mendapat FA).
 - e) Tarikh surat PA (tidak perlu diisi bagi program akademik yang telah mendapat FA).
 - f) Tarikh surat keputusan Majlis Jawatankuasa Akreditasi (MJA), MQA.
 - g) Nombor rujukan surat kelulusan terkini oleh Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) atau pihak berkuasa tertinggi yang memberi kelulusan permohonan baharu atau perubahan perubahan program akademik.
 - h) *National Education Code* (NEC) 2020.
 - i) Standard Umum atau Standard Program mengikut bidang MQA (jika

berkaitan).

- j) Maklumat rekod perubahan berkaitan program akademik yang pernah dikemukakan kepada MQA:
 - (i) Tajuk surat jenis perubahan,
 - (ii) Tarikh surat daripada UPSI [Program prasiswazah: Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA)/ Program pascasiswazah: Institut Pengajian Siswazah (IPS)] kepada MQA, dan
 - (iii) Nombor rujukan dan tarikh surat daripada MQA kepada UPSI.

7. BAHAGIAN PERUBAHAN SEMAKAN KURIKULUM SECARA STRUKTURAL

- 7.1 Fakulti/PTj hendaklah menentukan **Bahagian** perubahan semakan kurikulum (Rujuk Borang M: Borang Permohonan Pengemaskinian Program, MQA).
- 7.2 Terdapat dua (2) **Bahagian** perubahan semakan kurikulum iaitu :
 - a) Bahagian A dan
 - b) Bahagian B
- 7.3 **Bahagian A:** Perubahan melibatkan pengemaskinian kurikulum program berdasarkan ***butiran pada surat kelulusan MQA*** yang melibatkan tujuh (7) perkara berikut:
 - a) **Nama Program:** Pindaan editorial pada penamaan program.
Contoh: Sarjana Sains (Kimia) kepada Sarjana Sains Kimia
ATAU
perubahan penamaan dan kandungan program yang menjurus kepada *Body of Knowledge (BOK)* bidang pengajian lain.
Contoh: Sarjana Muda Teknologi Maklumat kepada Sarjana Muda Sistem Maklumat Perniagaan.
 - b) **NEC 2020:** Pindaan editorial pada *National Education Code 2020 (NEC)*.
Contoh: NEC 0114 (Educator Training with Subject Specialization) kepada NEC 0224 (Islamic Studies).
 - c) **Bahasa Pengantar:** Perubahan bahasa pengantar.
Contoh: Daripada Bahasa Melayu kepada dwi bahasa.

- d) **Kaedah Pengajian:** Perubahan/Penambahan kaedah pengajian.
Contoh: Sepenuh Masa kepada Sepenuh Masa dan Separuh Masa.

- e) **Jumlah Kredit Bergraduat:** Perubahan kredit bergraduat.
Contoh: Penambahan kredit bergraduat bagi Program Diploma daripada 90 kredit kepada 93 kredit.
ATAU
Contoh: Pengurangan kredit bergraduat bagi Program Sarjana Muda daripada 126 kredit kepada 120 kredit.

- f) **Kelayakan Masuk:** Perubahan kelayakan masuk mengikut keperluan semasa.
Contoh: Penambahan kriteria syarat kelayakan masuk seperti ketetapan terkini Universiti atau badan profesional.
ATAU
Contoh: Penambahan senarai kelayakan masuk yang setaraf seperti "Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara".

- g) **Tempoh Pengajian:** Perubahan tempoh pengajian bagi program yang menggunakan sistem semester atau menggunakan struktur modular (termasuk sepenuh masa dan/atau separuh masa).
Contoh: Pengurangan tempoh pengajian program akademik daripada 4 tahun (8 semester) kepada 3½ tahun (7 semester).
ATAU
Contoh: Penambahan bilangan minggu pembelajaran dalam satu (1) semester daripada 14 minggu kepada 17 minggu.

7.4 **Bahagian B:** Perubahan melibatkan pengemaskinian kurikulum program yang meliputi tiga (3) sub-bahagian iaitu (i) **perubahan melibatkan butiran pada surat kelulusan**, (ii) **perubahan berkaitan penyataan Programme Educational Outcome (PEO) dan Programme Learning Outcome (PLO)**, dan (iii) **perubahan reka bentuk dan penyampaian program**. Kesemua sub-bahagian bagi Bahagian B melibatkan 12 perkara berikut:

- a) **Mod Penawaran:** Mod Penawaran pengajian prasiswazah (iaitu Mod Kerja Kursus dan Mod Industri [2u2i]) dan Mod Penawaran pengajian pascasiswazah (iaitu Mod Kerja Kursus, Mod Campuran dan Mod Penyelidikan).
Contoh: Penambahan Mod Industri (2u2i) bagi program akademik prasiswazah.
ATAU
Contoh: Perubahan Mod Kerja Kursus kepada Mod Campuran bagi program pascasiswazah.
- b) **Kaedah Pembelajaran dan Pengajaran:** Perubahan pada kaedah pembelajaran dan pengajaran.
Contoh: Kuliah, tutorial, projek, latihan industri dan lain-lain.
- c) **Penyataan PEO:** Perubahan pernyataan dan/atau bilangan PEO asal kepada pernyataan dan/atau bilangan PEO baharu.
Contoh: Perubahan PEO berdasarkan Malaysian Qualification Framework (MQF) terkini dan/atau Standard Program MQA mengikut bidang.
- d) **Penyataan PLO:** Perubahan pernyataan dan/atau bilangan PLO asal kepada pernyataan dan/atau bilangan PLO baharu.
Contoh: Perubahan PLO berdasarkan MQF terkini dan/atau Standard Program MQA mengikut bidang.
- e) **Pemetaan PLO kepada PEO (baharu):** Pemetaan baharu bagi setiap PLO kepada PEO.
Contoh: Penyediaan jadual matrik pemetaan PLO baharu kepada PEO baharu.
- f) **Pemetaan PLO baharu dengan kluster hasil pembelajaran MQF terkini:** Pemetaan baharu bagi setiap PLO kepada setiap hasil pembelajaran MQF terkini mengikut tahap MQF yang bersesuaian dengan program.
Contoh: Penyediaan jadual matrik pemetaan PLO baharu kepada kesemua hasil pembelajaran MQF terkini.

- g) **Pemetaan PLO baharu dengan kursus yang telah dikemas kini:** Pemetaan baharu bagi setiap PLO kepada setiap satu kursus yang ditawarkan program.
Contoh: Penyediaan pemetaan Table 3 sebagaimana dalam dokumen Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA), MQA.
- h) **Klasifikasi baharu:** Perbandingan klasifikasi kursus program di antara kurikulum asal dengan kurikulum baharu, termasuk perbandingan dengan Standard Program MQA mengikut Bidang (sekiranya ada).
Contoh: Perincian bilangan kredit dan jumlah peratus bagi setiap klasifikasi kursus dalam program.
- i) **Struktur pengajian asal dan baharu:** Perbandingan struktur pengajian asal dengan struktur pengajian baharu bagi setiap semester dan tahun pengajian (termasuk sepenuh masa dan/atau separuh masa).
- j) **Kursus-kursus yang digugurkan:** Perincian kursus yang digugurkan mencakupi butiran nama, kod butiran dan kredit kursus berkenaan.
- k) **Kursus-kursus baharu yang ditawarkan:** Perincian maklumat kursus baharu perlu disediakan menggunakan *Table 4*.
- l) **Kursus-kursus asal yang terlibat dengan pindaan:** Perincian maklumat kursus asal yang terlibat dengan pindaan perlu dijelaskan secara perbandingan antara asal dengan baharu serta disediakan menggunakan *Table 4*.

8. KADAR CAJ BAYARAN BAGI PERUBAHAN SEMAKAN KURIKULUM SECARA STRUKTURAL

- 8.1 Sebarang perubahan memerlukan pindaan butiran kelulusan pada *Malaysian Qualification Register* (MQR – MQA). Fakulti/PTj perlu mengisi Borang M dan memaklumkan kepada pihak BHEA/ IPS untuk dipanjangkan kepada MQA dengan disertakan lampiran Surat Kelulusan perubahan/ pindaan maklumat daripada Senat/JPT, KPT bersama maklumat perubahan.

- 8.2 Fakulti/PTj akan dikenakan caj penilaian oleh MQA (Rujuk Borang M) bagi perubahan semakan kurikulum sama ada Bahagian A dan/atau Bahagian B.

Jadual 1: Kadar Caj Penilaian MQA berdasarkan Borang M

Bahagian	Kadar Caj*	Kategori
A	RM250.00	Pindaan Butiran Kelulusan
B	RM600.00	Penilaian Kurikulum
A & B	RM600.00	Pindaan Butiran Kelulusan & Penilaian Kurikulum

**Kadar caj tertakluk kepada penetapan sebenar oleh MQA*

9. PENGIRAAN PERUBAHAN KANDUNGAN KURIKULUM SECARA STRUKTURAL

- 9.1 Pengiraan perubahan kandungan kurikulum secara struktural adalah berdasarkan tiga (3) kategori perubahan kursus berikut:

- a) **Pengguguran kursus** (catatan: GUGUR): Menggugurkan kursus sedia ada dalam struktur pengajian;
DAN/ATAU
- b) **Penambahan kursus** (catatan: BAHARU): Membuat penambahan kursus baharu dalam struktur pengajian;
DAN/ATAU
- c) **Penggantian kursus** (catatan: GANTI): Menggantikan kursus sedia ada dengan kursus baharu atau mana-mana perkara yang melibatkan penggantian dalam maklumat kursus yang mencakupi:
 - (i) penambahan atau pengurangan bilangan kredit kursus;
DAN/ATAU
 - (ii) pengguguran *Course Learning Outcome* (CLO) dan/atau penambahan CLO dan/atau penggantian CLO yang melibatkan perubahan Domain Pembelajaran dan/atau PLO;
DAN/ATAU

(iii) perubahan kod dan nama kursus berpunca daripada perubahan sinopsis, CLO dan/atau isi kandungan kursus.

- 9.2 Kursus yang diklasifikasikan di bawah Kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) tidak termasuk dalam pengiraan perubahan kandungan kurikulum secara struktural.
- 9.3 Nilai kredit bagi setiap kursus yang terlibat dalam mana-mana kategori perubahan kursus dikira dalam pengiraan perubahan kandungan kurikulum secara struktural.
- 9.4 Formula pengiraan perubahan kandungan kurikulum secara struktural adalah sebagaimana berikut:

$$\frac{\text{Jumlah Perubahan Kredit}}{\text{Jumlah Jam kredit Bergraduat Asal}} \times 100$$

- 9.5 Simulasi pengiraan perubahan kandungan kurikulum secara struktural (Rujuk Lampiran B).
- 9.6 Jumlah keseluruhan perubahan kandungan kurikulum bersifat struktural sama ada kurang atau bersamaan 30 peratus (i.e., $\leq 30\%$) atau melebihi 30 peratus (i.e., $> 30\%$) daripada keseluruhan kurikulum perlu mendapatkan kelulusan daripada MQA (Rujuk Borang M: Borang Permohonan Pengemaskinian Program, MQA).
- 9.7 Fakulti/PTj perlu mengisi Borang M dan memaklumkan kepada pihak BHEA/IPS untuk dipanjangkan kepada MQA dengan disertakan lampiran Surat Kelulusan perubahan/pindaan maklumat daripada Senat dan/atau JPT, KPT bersama maklumat perubahan. Fakulti/PTj akan dikenakan caj penilaian oleh MQA (Rujuk Jadual 1).
- 9.8 Sebarang perubahan memerlukan pindaan butiran kelulusan pada *Malaysian Qualification Register* (MQR – MQA).

10. PERUBAHAN SEMAKAN KURIKULUM SECARA MODULAR

10.1 Perubahan semakan kurikulum secara modular HANYA melibatkan salah SATU (1) atau mana-mana gabungan daripada kategori berikut:

- a) Perubahan PEO dan PLO mengikut kerangka MQF terkini.
- b) Perubahan CLO selari dengan pentaksiran, SLT, dan Domain Pembelajaran.
- c) Perubahan nama dan kod kursus selari dengan perubahan sinopsis, CLO dan isi kandungan.
- d) Perubahan sinopsis kursus selari dengan CLO dan isi kandungan kursus.
- e) Perubahan agihan kursus dalam pelan pengajian program.
- f) Perubahan struktur kurikulum tanpa mengganggu jumlah jam kredit bergraduasi.
- g) Perubahan jam kredit kursus tanpa mengganggu jumlah jam kredit bergraduasi.
- h) Perubahan pemberatan kursus (*course weightage*).
Contoh: Perubahan pemberatan kursus daripada 60:40 kepada 70:30; 60:40 kepada 50:50.
- i) Perubahan pemberatan pentaksiran (*assessment weightage*) bagi kursus selari dengan CLO dan *Student Learning Time* (SLT).
Contoh: Bagi kursus dengan course weightage 60:40 – Perubahan pemberatan pentaksiran berterusan (continuous assessment weightage) sedia ada (iaitu bagi tiga [3] jenis pentaksiran berterusan, setiap satunya mempunyai nilai pemberat 30%, 20% dan 10%) ditukar kepada pemberat pentaksiran berterusan baharu (iaitu 20%, 20% dan 20%).
- j) Perubahan kaedah atau komposisi pentaksiran formatif dan sumatif.

- k) Kursus yang berubah klasifikasi tanpa mengganggu jumlah jam kredit bergraduat.
Contoh: Kursus yang sebelum ini diklasifikasikan sebagai major/teras disiplin/pengkhususan program berubah menjadi kursus klasifikasi elektif program).
 - l) Pembangunan kursus baharu tanpa tanpa mengganggu jumlah jam kredit bergraduat.
 - m) Perubahan maklumat prasyarat kursus.
 - n) Perubahan syarat kemasukan program akademik.
- 10.2 Fakulti/PTj yang melaksanakan mana-mana kategori perubahan semakan kurikulum secara modular yang dinyatakan dalam Perkara 10.1 perlu menghantar Kertas Cadangan berserta lampiran berkaitan (sekiranya ada) kepada Pusat Pembangunan Akademik untuk semakan sebelum dibawa ke pihak BHEA/ IPS.
- 10.3 Jika perubahan dalam Perkara 10.1 memenuhi Perkara 7 dan Perkara 8, maka Fakulti/PTj **PERLU** melaksanakan proses Permohonan Semakan Kurikulum Program Akademik (PSKPA).

11. TINDAKAN FAKULTI/PTJ

- 11.1 Garis Panduan ini perlu dibaca bersama-sama dengan Surat Makluman Bil.15 Permohonan Pengemaskinian Program MQA100-1/7/2 Jld. 5 (18) bertarikh 7 Disember 2022 dan Garis Panduan Prosedur Pengurusan Kurikulum Universiti Pendidikan Sultan Idris Kelulusan Senat Kali Ke-232 Bilangan 4/2024 pada tarikh 23 April 2024.
- 11.2 Tindakan Fakulti/PTj adalah berdasarkan aspek berikut:
- a) Merujuk perincian maklumat dalam Garis Panduan Prosedur Pengurusan Kurikulum Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- b) Menyediakan Surat Makluman bersama dokumen berkaitan PSKPA kepada JPT, KPT.
- c) Melengkapkan Borang M apabila terdapat perubahan dalam Semakan Kurikulum. Rujuk Borang M (Permohonan Pengemaskinian Program).
- d) Memaklumkan kepada MQA secara bertulis dengan disertakan Surat Kelulusan perubahan/pindaan maklumat daripada Senat dan/atau JPT, KPT bersama maklumat perubahan semakan kurikulum.
- e) Memaklumkan kepada MQA secara bertulis dengan disertakan bersama maklumat perubahan untuk proses penilaian semula. Caj penilaian akan dikenakan berdasarkan ketetapan MQA (Rujuk Jadual 1).
- f) Fakulti/PTj bertanggungjawab menyimpan rekod dokumen dan bukti-bukti pengesahan untuk semakan semasa penilaian audit pematuhan.
- g) Sekiranya melibatkan perubahan nama program atau maklumat premis, maka perlu dibuat penggantian Sijil Perakuan Akreditasi dengan caj yang ditetapkan oleh MQA. Fakulti/PTj perlu memulangkan Sijil Perakuan Akreditasi yang asal kepada MQA.

12. KESIMPULAN

Dengan mengikuti panduan ini, urusan berkaitan dengan perubahan kurikulum di UPSI dapat dilaksanakan secara teratur berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa.

LAMPIRAN

Lampiran A – Borang M (Borang Permohonan Pengemaskinian Program)

<https://www.mqa.gov.my/pv4/document/2022/23122022new/BORANG%20M.pdf>

<https://docs.google.com/document/d/1aeXhmGaffwfO9jPAwclxRKmcgO8JSjwv/edit>

Lampiran B – Simulasi Pengiraan Perubahan Kandungan Kurikulum

Lampiran C – Ringkasan Perubahan Kurikulum dan Peringkat Kelulusan

Lampiran D – Surat Makluman Bil. Permohonan Pengemaskinian Program

MQA100-1/7/2 Jld. 5 (18) bertarikh 7 Disember 2022

<https://drive.google.com/drive/folders/1Hr3xx85nAlrl2dQV0NKSIVv3cLUe-BTr>

Lampiran E – Surat Makluman MQA Bil.4/2018 Perubahan Maklumat Program
bertarikh 8 Mac 2018

<https://drive.google.com/drive/folders/1Hr3xx85nAlrl2dQV0NKSIVv3cLUe-BTr>

Lampiran F – Kompilasi Dasar Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi (2009 – 2020)
Edisi Ketiga. MQA (2021)

<https://drive.google.com/drive/folders/1Hr3xx85nAlrl2dQV0NKSIVv3cLUe-BTr>

Lampiran B – Simulasi Pengiraan Perubahan Kandungan Kurikulum

Bahagian A: Maklumat Program

Tahap Pengajian : Prasiswazah – Sarjana Muda
 Maklumat Program Akademik : Sarjana Muda Pendidikan (xxx) dengan Kepujian
 Jumlah Kredit Bergraduat : 135
 (sebelum semakan kurikulum/asal)

Bahagian B: Pengiraan Perubahan Kandungan Kurikulum secara Struktural

Jadual 2: Simulasi Pengiraan Perubahan Kandungan Kurikulum secara Struktural

Klasifikasi Kursus*	Kurikulum Sedia Ada (2019)	Kurikulum Baharu (2023)	Peratus Perubahan (%)
Kursus MPU	19	21	
Kursus Asas Pendidikan	30	27	9.63
Kursus Major/ Teras Disiplin	46	42	15.56
Kursus Latihan Amalan Profesional	10	10	1.48
Kursus Minor/ Elektif Program	21	21	0
Kursus Elektif Terbuka	9	9	8.89
JUMLAH	135	131	35.56

*Perincian perubahan kandungan kurikulum bagi setiap klasifikasi kursus disimulasikan dalam muka surat berikutnya mengikut warna klasifikasi kursus.

Formula Pengiraan:

$$\frac{\text{Jumlah Perubahan Kredit}}{\text{Jumlah Jam kredit Bergraduat Asal}} \times 100$$

Perincian pengiraan:

Kursus MPU	:	Tidak dikira		
Kursus Asas Pendidikan	:	$\frac{13}{135}$	$\times 100$	= 9.63
Kursus Major/ Teras Disiplin	:	$\frac{21}{135}$	$\times 100$	= 15.56
Kursus Latihan Amalan Profesional	:	$\frac{2}{135}$	$\times 100$	= 1.48
Kursus Minor/ Elektif Program	:	$\frac{0}{135}$	$\times 100$	= 0.00
Kursus Elektif Terbuka	:	$\frac{12}{135}$	$\times 100$	= 8.89

$$\text{JUMLAH KESELURUHAN} : \frac{45}{135} \times 100 = 35.56$$

Bahagian C: Perincian Perubahan Kursus yang melibatkan penggantian, penambahan dan penggantian kursus.

Jadual 3: Simulasi Pengiraan Perubahan Kandungan Kurikulum secara Struktural – Kursus Mata Pelajaran Universiti (MPU)

KURSUS MPU							Perubahan Kredit
Kurikulum Sedia Ada (2019)			Kurikulum Baharu (2023)			Catatan	
Kod Kursus	Nama Kursus	Kdt	Kod Kursus	Nama Kursus	Kdt		
UBM3252	Wacana Akademik Bahasa Melayu	2	UBM3262	Keterampilan Wacana Bahasa Melayu	2	GANTI Menggantikan kursus UBM3252. Perubahan sinopsis, CLO dan kandungan kursus	
UBI3232	English Proficiency 3	2	UBI3252	Essential English 1	2	GANTI Menggantikan kursus UBI3232 dan UBI3242. Sinopsis, CLO dan kandungan perlu diselaraskan berdasarkan <i>Common European Framework of Reference</i> (CEFR)	
UBI3242	English Proficiency 4	2	UBI3262	Essential English 2	2		
UBM3132	Asas Komunikasi Bahasa Melayu 2	2	UBM2142	Bahasa Melayu Komunikasi 1	2	GANTI Menggantikan kursus UBM3132 dan UBM3242. Untuk selaraskan semua kursus Bahasa Melayu bagi program diploma dan prasiswazah kerana penguasaan bahasa asas adalah sama tanpa mengira peringkat pengajian	
UBM 3242	Bahasa Melayu Pertengahan	2	UBM 3362	Bahasa Melayu Komunikasi 2	2		
UPU 3112	Falsafah & Isu Semasa	2	UPU 3112	Falsafah & Isu Semasa	2	KEKAL	
UPU 3122	Penghayatan Etika dan Peradaban	2	UPU 2122	Penghayatan Etika dan Peradaban	2	KEKAL Hanya melibatkan pertukaran kod untuk keselarasan penawaran prasiswazah	

KURSUS MPU							Perubahan Kredit
Kurikulum Sedia Ada (2019)			Kurikulum Baharu (2023)			Catatan	
Kod Kursus	Nama Kursus	Kdt	Kod Kursus	Nama Kursus	Kdt		
						tetapi sinopsis dan isi kandungan adalah sama	
UPU 3222	Budaya Keusahawanan	2	UPU 3222	Budaya Keusahawanan	2	KEKAL	
UPU 3312	Pengajian Kenegaraan	2	UPU 3312	Pengajian Kenegaraan	2	KEKAL	
UPU 3322	Warisan Seni Dan Budaya Malaysia	2	UPU 3322	Warisan Seni Dan Budaya Malaysia	2	KEKAL	
UPU 3412	Kesukarelawan	2	-	-	-	GUGUR Elemen kesukarelawan ada diterapkan dalam Kursus Major (Teras) yang berasaskan SULAM	
-	-	-	UPU 2342	Integriti dan Antirasuah	2	BAHARU Pindaan Kursus Universiti atas kelulusan Senat.	
**** (CS/ CP/ CU)	Ko-Kurikulum - Sukan - Persatuan Badan Beruniform	3	**** (CS/ CP/ CU)	Ko-Kurikulum - Sukan - Persatuan Badan Beruniform	3	KEKAL	
JUMLAH		19	JUMLAH			21	

*KU untuk Pelajar Warganegara sahaja; untuk Pelajar Bukan Warganegara sahaja

*TIDAK dikira dalam peratus perubahan kandungan kurikulum

Jadual 4: Simulasi Pengiraan Perubahan Kandungan Kurikulum secara Struktural – Kursus Asas Pendidikan

KURSUS ASAS PENDIDIKAN							Perubahan Kredit
Kurikulum Sedia Ada (2019)			Kurikulum Baharu (2023)			Catatan	
Kod Kursus	Nama Kursus	Kdt	Kod Kursus	Nama Kursus	Kdt		
KPF 3012	Perkembangan Pendidikan di Malaysia: Falsafah & Dasar	2	KPF 3012	Perkembangan Pendidikan di Malaysia: Falsafah & Dasar	2	KEKAL	0
KPS 3014	Pengurusan Pembelajaran	4	KPS 3023	Sosiologi Pendidikan	3	GANTI Menggantikan kursus KPS3014. Perubahan jam kredit, sinopsis, CLO dan pengurangan isi kandungan disebabkan pertindihan topik dengan	3

KURSUS ASAS PENDIDIKAN							Perubahan Kredit
Kurikulum Sedia Ada (2019)			Kurikulum Baharu (2023)			Catatan	
Kod Kursus	Nama Kursus	Kdt	Kod Kursus	Nama Kursus	Kdt		
						beberapa kursus lain.	
KPP3014	Pembelajaran dan Perkembangan Pelajar	4	KPP3023	Psikologi dalam Pendidikan	3	GANTI Menggantikan kursus KPP3014. Perubahan jam kredit, sinopsis, CLO dan pengurangan isi kandungan disebabkan pertindihan topik dengan beberapa kursus lain.	3
KPD 3016	Pengajaran, Teknologi dan Penaksiran 1	6	KPD3036	Rekabentuk, Pentaksiran dan Teknologi Pengajaran	6	GANTI Menggantikan kursus KPD3016. Memasukan komponen <i>Pedagogical Content Knowledge</i> yang belum wujud dalam kursus lama. Justifikasi ini terpakai untuk semua program SMP kecuali SMP (Bimbingan dan Kaunseling)	6
KPD 3026	Pengajaran, Teknologi dan Penaksiran 2	6	XXX 3046	Penamaan mengikut fakulti samada 6 kredit (sebagai satu kursus) atau 3 kredit (sebagai dua kursus : kaedah Pengajaran Major & Kaedah Pengajaran Minor)	6	KEKAL Hanya melibatkan perubahan kod dan nama kursus bagi KPD3026 sahaja, tetapi sinopsis dan isi kandungan adalah sama. Justifikasi ini terpakai untuk semua program SMP kecuali SMP (Bimbingan dan Kaunseling)	0
KPR 3012	Seminar Refleksi Latihan Mengajar	2	KPR3012	Seminar Refleksi Latihan Mengajar	2	KEKAL Untuk semua program SMP kecuali SMP (Bimbingan dan Kaunseling)	0
KPK 3012	Pendidikan Inklusif	2	KPK 3012	Pendidikan Inklusif	2	KEKAL	0

KURSUS ASAS PENDIDIKAN							Perubahan Kredit
Kurikulum Sedia Ada (2019)			Kurikulum Baharu (2023)			Catatan	
Kod Kursus	Nama Kursus	Kdt	Kod Kursus	Nama Kursus	Kdt		
KPG 3013	Insan Guru Profesional	3	KPG 3013	Insan Guru Profesional	3	KEKAL	0
KPC 3011	Pengurusan Ko-kurikulum	1	-	-	-	GUGUR Elemen pengurusan ko-kurikulum telah wujud dalam kursus ko-kurikulum di bawah Kursus Universiti berjumlah 3 jam kredit	1
JUMLAH		30	JUMLAH			27	13

Jadual 5: Simulasi Pengiraan Perubahan Kandungan Kurikulum secara Struktural – Kursus Major/Teras Disiplin

KURSUS MAJOR/TERAS DISIPLIN/PENGKHUSUSAN							Perubahan Kredit
Kurikulum Sedia Ada (2019)			Kurikulum Baharu (2023)			Catatan	
Kod Kursus	Nama Kursus	Kdt	Kod Kursus	Nama Kursus	Kdt		
MMG3013	Ilustrasi Digital	3	-	-	-	GUGUR Kursus tidak lagi relevan dalam bidang pendidikan multimedia.	3
-	-	-	DTS3113	Reka Bentuk dan Pembangunan Web Dinamik	3	BAHARU Kursus ini lebih memfokus kepada elemen web digital yang terkini dan diperlukan berdasarkan permintaan pasaran dan keperluan semasa.	3
MTS3063	Prinsip Pengaturcaraan	3	DTS3043	Pengaturcaraan Komputer	3	KEKAL Perubahan nama dan kod kursus tanpa perubahan isi kandungan.	0
MMA3013	Animasi Berkomputer	3	MMA3014	Pembangunan Animasi Berkomputer **	4	GANTI Pertambahan jam kredit Isi kandungan ditambah untuk disesuaikan	4

KURSUS MAJOR/TERAS DISIPLIN/PENGKHUSUSAN							Perubahan Kredit
Kurikulum Sedia Ada (2019)			Kurikulum Baharu (2023)			Catatan	
Kod Kursus	Nama Kursus	Kdt	Kod Kursus	Nama Kursus	Kdt		
						dengan DSKP yang.	
KKT 3053	Perkembangan Personaliti	3	-	-	-	GUGUR Cakupan elemen teoretikal perkembangan personaliti ada disentuh dalam kandungan kursus-kursus Teras Disiplin/ Major. Elak pertindanan kandungan.	3
-	-	-	KKD 3123	Komunikasi Interpersonal Profesional	3	BAHARU Memenuhi keperluan semasa serta sebagai asas komunikasi sebelum pendedahan kursus Kemahiran Asas Kaunseling. Kursus ini berada dalam komponen LKM "D" <i>Pertumbuhan dan Perkembangan Manusia</i>	3
KKC 3013	Bimbingan dan Perkembangan Kerjaya	3	KKC 3033	Bimbingan dan Kaunseling Kerjaya	3	GANTI Kursus ini adalah gabungan dua kursus lama iaitu KKC3013 dan KKC3023 untuk mengelak pertindanan kandungan.	3
AME3141	Koir 1	1	AMS3232	Koir	2	GANTI Diperkenalkan untuk menggantikan kursus Koir 1, Koir 2 dan Teknik Vokal.	2
AME3151	Koir 2	1					
JUMLAH		17	JUMLAH		18		21

Jadual 6: Simulasi Pengiraan Perubahan Kandungan Kurikulum
secara Struktural – Kursus Latihan Amalan Profesional

KURSUS LATIHAN AMALAN PROFESIONAL							Perubahan Kredit
Kurikulum Sedia Ada (2019)			Kurikulum Baharu (2023)			Catatan	
Kod Kursus	Nama Kursus	Kdt	Kod Kursus	Nama Kursus	Kdt		
KPR 3032	Program Perantis Guru	2	KPR3072	Perantis Guru	2	GANTI Menggantikan KPR3032. Menggabungkan PPG 1 dan 2 serta perubahan pentaksiran dan tugas. Untuk semua program SMP kecuali SMP (Bimbingan dan Kaunseling)	2
KPR3068	Latihan Mengajar	8	KPR3068	Latihan Mengajar	8	KEKAL	0
JUMLAH		10	JUMLAH			10	2

Jadual 7: Simulasi Pengiraan Perubahan Kandungan Kurikulum
secara Struktural – Kursus Minor/Elektif Program

KURSUS MINOR/ ELEKTIF PROGRAM							Perubahan Kredit
Kurikulum Sedia Ada (2019)			Kurikulum Baharu (2023)			Catatan	
Kod Kursus	Nama Kursus	Kdt	Kod Kursus	Nama Kursus	Kdt		
-	-	-	-	-	-	-	
JUMLAH		-	JUMLAH		-	-	
							0

Jadual 8: Simulasi Pengiraan Perubahan Kandungan Kurikulum
secara Struktural – Kursus Elektif Terbuka

KURSUS ELEKTIF TERBUKA							Perubahan Kredit
Kurikulum Sedia Ada (2019)			Kurikulum Baharu (2023)			Catatan	
Kod Kursus	Nama Kursus	Kdt	Kod Kursus	Nama Kursus	Kdt		
****	Bebas	3	-	-	-	GUGUR 2 kursus Elektif Terbuka digugurkan berjumlah 6 kredit.	3
****	Bebas	3	-	-	-		3
****	Bebas	3	XXX ***3	Bebas	3	KEKAL	0
-	-	-	XXX ***2	Bahasa Asing Peringkat 1	2	BAHARU Pindaan Kursus Elektif Terbuka atas kelulusan Senat. Menggantikan 2 kursus Elektif Terbuka berjumlah 6 kredit	2
-	-	-	XXX ***2	Bahasa Asing Peringkat 2	2		2
-	-	-	XXX ***2	Bahasa Asing Peringkat 3	2		2

KURSUS ELEKTIF TERBUKA						Catatan	Perubahan Kredit
Kurikulum Sedia Ada (2019)			Kurikulum Baharu (2023)				
Kod Kursus	Nama Kursus	Kdt	Kod Kursus	Nama Kursus	Kdt		
JUMLAH		6	JUMLAH		6		12

Lampiran C – Ringkasan Perubahan Kurikulum dan Peringkat Kelulusan Tertinggi

Bil	Perkara	Peringkat Kelulusan							Tindakan Pelaksanaan Selepas Peringkat Kelulusan Tertinggi
		JKPAF/ JKPSF	SPPA	JKPPAU	JKPA/ JPS	SENAT	JPT, KPT	MQA	
1	Perubahan kandungan kurikulum secara struktural --- memerlukan pindaan maklumat pada Daftar Kelayakan Malaysia (MQR). a) Nama Program b) NEC 2020 c) Bahasa Pengantar d) Kaedah Pengajian e) Jumlah Kredit Bergraduat f) Syarat Kelayakan Masuk g) Tempoh Pengajian h) Mod Penawaran i) Kaedah Pembelajaran dan Pengajaran j) Pernyataan PEO k) Pernyataan PLO l) Pemetaan PLO kepada PEO (baharu) m) Pemetaan PLO baharu dengan kluster hasil pembelajaran MQF terkini n) Pemetaan PLO baharu dengan kursus yang telah dikemaskini o) Klasifikasi baharu	√	√	√	√	√	√	√	Pemakluman kepada BHEA/IPS untuk proses penawaran program/kursus. Penawaran Program Akademik berdasarkan pindaan.

Bil	Perkara	Peringkat Kelulusan							Tindakan Pelaksanaan Selepas Peringkat Kelulusan Tertinggi
		JKPAF/ JKPSF	SPPA	JKPPAU	JKPA/ JPS	SENAT	JPT, KPT	MQA	
	p) Struktur pengajian asal dan baharu q) Kursus-kursus yang digugurkan r) Kursus-kursus baharu yang ditawarkan s) Kursus-kursus asal yang terlibat dengan pindaan								
2	Perubahan Semakan Kurikulum secara Modular	√	√	√	√	√	X	X	Kemaskini dokumen serta lampiran yang berkaitan dan perlu diluluskan oleh Ketua Jabatan dan Dekan Fakulti/PTj. Pemakluman kepada BHEA/IPS untuk proses penawaran program/kursus. Penawaran Program Akademik berdasarkan pindaan.
3	Penyelarasan kandungan kursus dengan penggantian topik selaras dengan perkembangan ilmu semasa	√	X	X	X	X	X	X	Kemaskini Pro Forma dan perlu diluluskan oleh Ketua Jabatan dan Dekan Fakulti/PTj. Pemakluman kepada BHEA/IPS untuk kemaskini maklumat Pro Forma.
4	Penambahan komponen pembelajaran teradun (<i>Blended Learning</i>) dalam pengendalian program.	√	X	X	X	X	X	X	Kemaskini Pro Forma dan perlu diluluskan oleh Ketua Jabatan dan Dekan Fakulti/PTj. Pemakluman kepada BHEA/IPS untuk kemaskini maklumat Pro Forma.
5	Pengemaskinian bahan rujukan terkini.	√	X	X	X	X	X	X	Kemaskini Pro Forma dan perlu diluluskan oleh Ketua Jabatan dan Dekan Fakulti/PTj. Pemakluman kepada BHEA/IPS untuk kemaskini maklumat Pro Forma.

Bil	Perkara	Peringkat Kelulusan							Tindakan Pelaksanaan Selepas Peringkat Kelulusan Tertinggi
		JKPAF/ JKPSF	SPPA	JKPPAU	JKPA/ JPS	SENAT	JPT, KPT	MQA	
									Pemakluman dibuat kepada Ketua Pustakawan UPSI beserta dengan implikasi kos (sekiranya bahan tersebut tiada di perpustakaan UPSI).

Petunjuk:

- JKPAF : Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Akademik Fakulti
- JKPSF : Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti
- SPPA : Semakan Pusat Pembangunan Akademik
- JKPPAU : Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Perancangan Program Akademik Universiti
- JKPA : Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Akademik
- JPS : Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Siswazah
- Senat : Mesyuarat Senat
- JPT, KPT : Mesyuarat di Jabatan Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi
- MQA : Mesyuarat di *Malaysian Qualification Agency*

JAWATANKUASA
GARIS PANDUAN PERUBAHAN KANDUNGAN KURIKULUM
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Prof. Madya Dr. Normah binti Jusoh
Prof. Madya Dr. Ing Maizatul Hayati binti Mohamad Yatim
Dr. Amelia binti Mohd Noor
Prof. Madya Dr. Annie A/P Gorgey
Dr. Nur Hamiza binti Adenan
Pn. Norhasrina binti Mohd Idris
Pn. Amilia binti Abdul Halil
Pn. Nurshashina binti Ali Sabri